



## SIARAN MEDIA

### MENTERI SUMBER MANUSIA MENYANTUNI PEKERJA YANG DILINDUNGI SKIM KEILATAN DI BAWAH AKTA 4 PERKESO

**KLANG, SELANGOR** – Prihatin kepada golongan pekerja yang kurang bernasib baik, Menteri Sumber Manusia, YB Tuan V.Sivakumar hari ini menziarahi dua orang pekerja yang mengalami keilatan hingga tidak mampu bekerja sambil menyerahkan faedah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) kepada mereka.

Tuan V.Sivakumar telah melawat Puan Sokkayee a/p S.Periasamy di rumahnya di Kampung Perepat Batu 8 1/2, Jalan Kapar dan Encik Gunasegaran a/l Karuppiah, juga di rumah beliau di Jalan Sekolah, Off Jalan Meru di sini petang tadi. Kedua-dua pekerja ini dilindungi PERKESO di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4).

Turut mengiringi Menteri Sumber Manusia dalam ziarah prihatin ini adalah **Yang Berhormat Ahli Parlimen Klang Tuan V. Ganabatirau, Ketua Eksekutif PERKESO Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed, Pengarah PERKESO Negeri Selangor Encik Ismail Abi Hashim** dan **Pengurus PERKESO Klang Encik V. Mohanadas.**

Sewaktu menziarahi Puan Sokkayee, YB Menteri telah menyampaikan Faedah **Pencen Ilat** kepada beliau berserta **alatan pemulihan** seperti lampin dewasa, *commode chair* dan kerusi roda. Puan Sokkayee, 54 tahun, merupakan bekas pekerja Pro Link Corporation Sdn Bhd sehingga November 2010. Beliau mengalami sakit pinggang dan kebas ketika berjalan atau melakukan aktiviti harian sehingga pergerakan beliau terbatas.

Pada 23 Mei 2023, Jemaah Doktor telah mengesahkan beliau menghidap keilatan atas masalah *degenerative kyphoscoliosis* yang membuatkan beliau tidak sesuai untuk bekerja. Sehubungan itu, beliau layak menerima bayaran bulanan Pencen Ilat sebanyak RM550

untuk sepanjang hayat. PERKESO juga akan menyediakan kemudahan pemulihan jasmani dan dialisis untuk beliau seperti yang disyorkan oleh Jemaah Doktor.

Kemudiannya, YB Menteri telah menziarahi Encik Gunasegaran serta menyampaikan **Pencen Ilat dan kemudahan peralatan pemulihan** mengikut pengesyoran Jemaah Doktor seperti *commode chair*, kerusi roda dan pembekalan tangki oksigen.

Encik Gunasegaran, 42 tahun, adalah seorang jurutera dengan Matrix Flavours & Fragrances Sdn Bhd sehingga April 2023. Berikutan maklumat yang diterima oleh Pejabat Ahli Parlimen Klang, Skuad PERKESO Prihatin Klang telah mengambil inisiatif mendapatkan maklumat lanjut tentang kesihatan Encik Gunasegaran dan mendapati beliau menghidap penyakit jantung, mengalami sesak nafas dan mempunyai sejarah penyakit keturunan di mana bapa beliau pernah membuat pembedahan *Coronary Artery Bypass Graft*.

Pada 12 Mei 2023, Encik Gunasegeran dirujuk ke Jemaah Doktor untuk penilaian dan disahkan mengalami keilatan di mana beliau menghidap *Ischemic Heart Disease* dengan *Heart failure with reduced ejection fraction*, yang menyebabkan beliau tidak sesuai untuk melakukan pekerjaan. Sehubungan dengan itu, beliau layak menerima bayaran Pencen Ilat sebanyak RM2,751 sebulan sepanjang hayat.

Kedua-dua pekerja tersebut menerima faedah PERKESO kerana majikan mencarum untuk mereka di bawah Akta 4. Di bawah **Skim Keilatan** Akta 4, seseorang pekerja berada dalam **keilatan** apabila mengalami suatu keuzuran yang berkekalan samada tidak boleh diubati atau tidak mungkin sembuh, serta tidak berupaya mencari nafkah. Skim Keilatan memberi **perlindungan 24 jam** kepada pekerja dari keilatan atau kematian akibat dari **sebarang sebab yang tidak berkaitan dengan pekerjaan**.

Perlindungan keselamatan sosial yang disediakan PERKESO kepada pekerja yang terbencana bukan sahaja meliputi **pampasan kewangan seperti bayaran faedah**, tetapi juga **peralatan pemulihan dan perubatan serta rawatan rehabilitasi**.

PERKESO kini melindungi golongan pekerja dalam sektor formal, pekerja domestik, pekerja asing, individu bekerja sendiri dan golongan suri rumah. Perlindungan ini disediakan menerusi **Akta 4, Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017, Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017** dan **Akta Keselamatan Sosial Suri Rumah 2022**. Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web rasmi PERKESO [www.perkeso.gov.my](http://www.perkeso.gov.my) atau hubungi talian Careline PERKESO **1-300-22-8000**.

**Dikeluarkan oleh:**

**Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat**

**30 Mei 2023**

**Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:**

Mohd Wazid Zaidon

+6017-619 3181

[wazid.zaidon@perkeso.gov.my](mailto:wazid.zaidon@perkeso.gov.my)

Hamisah Hamid

+6019-383 3605

[hamisah.hamid@perkeso.gov.my](mailto:hamisah.hamid@perkeso.gov.my)